

Krisis terbesar **negara**

■ **SITI NURSYAHIDAH ABU BAKAR**

SHAH ALAM – Jabatan Peguam Negara dianggap tidak sensitif dengan gesaan Majlis Raja-Raja agar isu melanda 1Malaysia Development Berhad (1MDB) diselesaikan dengan segera.

Timbalan Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, ini berikutan tindakan Jabatan Peguam Negara yang didakwa cuba meletakkan kesalahan ke atas Bank Negara dalam krisis 1MDB.

“Pihak yang meminjam duit merata-rata sehingga hutangnya menggerunkan kini tidak dipersalahkan. Kesalahan ini sekarang cuba diletak pada pihak lain.

“Itulah yang sedang berlaku apabila Jabatan Peguam Negara meletakkan Bank Negara sebagai pihak yang cuai dalam krisis 1MDB. Apakah Peguam Negara tidak dapat menghidu bahawa 1MDB bermasalah?” katanya.

Menurutnya, isu 1MDB juga mengubah hidup pengkritik-pengkritiknya dan terbaru ialah bekas Naib Ketua Umno Batu Kawan Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan dan peguam Matthias Chang yang didakwa mensabotaj ekonomi negara.

“Yang hebatnya ialah sehingga kini 1MDB masih tidak perlu berdepan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) dan perdana menteri pula belum disoal oleh polis mahupun Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

“Jika semua kejadian ini dijadikan kayu ukur kepada 1MDB, ini boleh dikira sebagai krisis terbesar negara,” katanya.

Dalam pada itu, katanya, Pas mengalu-alukan mana-mana pihak yang ingin menuntut kebenaran dalam isu 1MDB bersama pembangkang.

“Kami mengalu-alukan kesudian mana-mana NGO untuk bersama pembangkang me-

nentang Umno dalam isu 1MDB dan kepentingan rakyat.

“Tetapi Pas tidak akan sesekali mengadakan kerjasama politik dengan NGO yang bersentimen perkauman,” katanya.

Pada Selasa lalu, Jabatan Peguam Negara dalam satu kenyataan menegaskan 1MDB tidak patut dipersalahkan dalam dakwaan yang dibuat Bank Negara kerana melalui proses yang dibenarkan.

Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali berkata, Bank Negara sepatutnya meminta maklumat itu sejak 2009 lagi dan bukannya sekarang.

“Jika Bank Negara tidak memohon maklumat tertentu atau khusus, bagaimana 1MDB harus dipersalahkan apabila mereka mengisi borang dan menjawab soal-

an yang diperlukan? (Ketika permohonan dibuat)” soal Apandi.

Apandi mendedahkan terdapat tiga kebenaran diperoleh 1MDB dari Bank Negara untuk membuat kiriman wang pada 29 September 2009, September 6, 2010 dan 20 Mei 2011.



TUAN IBRAHIM